

21 APR 2001

Abdullah-Veteran

JANGAN ANGGAP VETERAN UMNO KUMPULAN TERBIAR, KATA PAK LAH

PEKAN, 21 April (Bernama) -- Golongan veteran di dalam Umno tidak boleh dianggap sebagai satu kumpulan terbiar yang seolah-olah tidak bermakna, sebaliknya ia merupakan pencetus semangat dan inspirasi kepada generasi muda di dalam parti, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata kehadiran mereka begitu bermakna kerana dengan menampakkan wajah dalam majlis-majlis anjuran Umno, generasi muda Umno akan merasakan bahawa sesuatu perlu dilakukan untuk meneruskan perjuangan yang telah dimulakan oleh golongan veteran ini dengan lebih tegas lagi.

"Sekalipun mereka tidak buat apa-apa dari segi kegiatan tetapi apabila mereka rela hadir dalam pertemuan-pertemuan yang kita adakan, itu memberi semangat kerana kita lihat mereka dengan umur yang begitu pun masih kuat dan bersemangat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Pekan di sini.

Beliau berkata Umno sememangnya menghargai perjuangan golongan veteran kerana disebabkan perjuangan merekalah, pada hari ini bangsa Melayu menerusi Umno mendapat banyak manfaat.

"Hari ini mereka masih ada.... kita tak boleh anggapkan mereka ini sebagai satu kumpulan yang terbiar yang seolah-olah tiada makna," kata beliau.

Lebih 3,000 anggota veteran Umno pada peringkat cawangan dan bahagian, termasuk bekas wakil rakyat akan berhimpun di Kuala Lumpur pada 11 Mei ini dalam satu majlis ramah mesra yang akan turut dihadiri oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perjumpaan itu bagi menemukan anggota veteran Umno dengan presiden dan timbalan presiden parti untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat berhubung suasana politik semasa yang begitu mencabar Umno.

Mengenai generasi muda pula, Abdullah berkata mereka akan menjadi generasi penerus perjuangan kerana pemimpin yang lama terpaksa mengundurkan diri.

"Kalau tidak ada yang ini (pemimpin pelapis), Umno tak akan wujud sampai hari ini. Kita harap generasi akan datang juga akan menjadi generasi yang kuat, kukuh dan berwibawa," kata Abdullah.

Semasa ditanya tentang perpaduan di kalangan anggota-anggota Umno, beliau berkata usaha-usaha yang dijalankan bagi mengukuhkan perpaduan di semua peringkat anggota parti itu kini menampakkan hasil yang baik.

Mengenai penahanan seorang lagi aktivis reformasi Dr Badrul Amin Baharon semalam, Abdullah, yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri berkata polis mengambil tindakan kerana kesalahan-kesalahan yang telah terbukti.

Katanya, polis akan bertindak membuat tangkapan jika mereka mendapati tangkapan perlu dilakukan berdasarkan maklumat yang telah diperolehi.

"Polis menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diharapkan. Saya yakin dengan kemampuan dan kebolehan polis untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan mereka," katanya.

Dr Badrul Amin, 40, bekas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa, ditahan kira-kira pukul 1.30 pagi semalam di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di rumahnya di Taman Desa Jaya, Kepong.

Dengan penahanan itu lapan aktivis reformasi ditahan di bawah ISA sejak 10 April lepas.

Semasa berucap, beliau berkata pemilihan yang diadakan bagi

jawatan-jawatan di peringkat bahagian Umno bukanlan bertujuan untuk memberikan kemenangan kepada golongan tertentu, sebaliknya merupakan peluang untuk semua anggota memilih pemimpin mereka secara demokrasi.

Katanya, pada akhirnya Umno yang akan menang kerana memperoleh pemimpin berwibawa yang dipilih sendiri oleh anggota-anggotanya kerana baik atau buruknya Umno itu ditentukan sendiri oleh anggota-anggota parti sendiri.

"Kita yang menentukan kepimpinan di dalam Umno dan setelah keputusan dibuat, menjadi kewajipan pemimpin yang dipilih itu untuk memimpin semua anggota di dalam parti...bukan sekadar mereka yang menyokongnya sahaja," katanya.

Beliau berkata kebanyakan bahagian Umno tidak mengadakan pertandingan bagi tiga jawatan utamanya, sekaligus membuktikan di dalam Umno turut ada unsur-unsur muafakat, berunding, bekerjasama dan tidak menentang.

-- BERNAMA

ROS RI